
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2006/2007

Oktober/November 2006

HMT 502 – SOSIOLOGI DAN KOMUNIKASI BAHASA MELAYU

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TUJUH muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas peperiksaan ini mengandungi Bahagian A dan Bahagian B. Jawab EMPAT soalan, iaitu mana-mana DUA soalan daripada Bahagian A dan DUA soalan daripada Bahagian B.

Tulis nombor 1 hingga 6 berturutan di muka hadapan buku jawapan anda sama ada soalan tersebut dijawab atau tidak. Beri tanda pangkah di hadapan nombor soalan yang tidak dijawab.

Bahagian A

Jawab DUA soalan.

1. Bincangkan secara terperinci tiga aspek, iaitu proses, unsur, dan interaksi sebagaimana yang dicatatkan di dalam teks **Data 1** yang berikut:

<p>Data 1</p> <div style="border: 1px solid black; padding: 10px; margin: 10px auto; width: 80%;"><p>Komunikasi ialah proses yang berlaku apabila dua atau lebih unsur sesebuah sistem berinteraksi untuk mencapai sesuatu tujuan.</p></div> <p style="text-align: center;">Sumber: Diubahsuaikan daripada Barker and Gaut (1996: 5)</p>

[100 markah]

2. Dengan menggunakan contoh yang sesuai daripada bahasa Melayu, huraikan secara ringkas, padat, dan tepat perkara-perkara di dalam [a], [b] dan [c] yang berikut.

[a] Komunikasi verbal vokal, komunikasi bukan verbal vokal, komunikasi verbal bukan vokal, dan komunikasi bukan verbal bukan vokal.

[40 markah]

[b] Kawasan geografi linguistik.

[30 markah]

[c] Bahasa stratum bawah dan stratum atas dalam penghasilan bahasa pijin dan kreol.

[30 markah]

3. Teliti **Data 2** dan jawab soalan [a] dan [b].

[a] Apakah jenis variasi bahasa di dalam **Data 2**? Bagaimanakah anda mengenal pasti perbezaan variasi bahasa ini dengan variasi bahasa yang lain dari sudut linguistik?

[40 markah]

...3/-

- [b] Selain variasi bahasa di dalam **Data 2** terdapat juga variasi bahasa yang lain yang terhasil akibat kewujudan faktor-faktor sosial dalam masyarakat. Dengan menggunakan **Data 2** dan contoh lain yang sesuai daripada bahasa Melayu, bincangkan empat [4] faktor sosial dan variasi bahasa yang terhasil sebagaimana yang dimaksudkan. Gunakan skala matra sosial untuk menjawab soalan ini.

[60 markah]

Data 2

Sumber: *METRO* (17 November 2005: 9)

Bahagian B

Jawab DUA soalan.

4. Berdasarkan petikan di dalam **Data 3** dan gambar di dalam **Data 4**, jawab soalan [a], [b], dan [c]:


Data 3

Shahdan sentiasalah Faridah Hanom di dalam hal bergurindam akan kekasihnya Shafik Afandi itu hingga petang masuk matahari, maka datanglah dayang memberitahu kepadanya yang ayahanda-bondanya menunggu santap, maka bangunlah ianya turun pergi ke bilik makan duduk makan bersama-sama ayahanda-bonda serta saudaranya Muhammad Afandi dan Badaruddin Afandi. Maka di dalam masa makan masing-masing pun bercakaplah berbagai-bagai perkhabaran, tetapi Badaruddin Afandi sentiasalah menghalakan percakapannya kepada Faridah Hanom dengan bermacam-macam dan berbagai-bagai perkhabaran dan cerita ibarat kiasan, maka dijawab oleh Faridah Hanom sepetah-patah percakapannya itu dengan bengis dan menzahirkan tiada kegemarannya. Tetapi diterimalah oleh Badaruddin akan perbuatan Faridah itu dengan menzahirkan kasih sayang dan mesranya, pada hal Faridah Hanom sentiasa juga melarikan dirinya daripada menerima akan tutur katanya itu dengan kebencian yang nampak nyata daripada gerakannya dan rupa mukanya. Maka Badaruddin menyangkakan Faridah Hanom itu sengaja membuat-buat tidak suka dan marah itu bagaimana adat kebanyakan anak-anak dara dan bukannya kebencian yang sebenar.

Demikianlah sentiasa Badaruddin ini menyakiti akan Faridah Hanom dengan memasukkan diri setiap masa pada berkata-kata dengan dia hingga jadilah Faridah Hanom itu terasa sangat benci akan perkataannya dan memandang rupanya, maka mencita-citalah Faridah Hanom boleh lekas ianya balik keluar daripada rumahnya pulang ke Iskandariah supaya tidak ianya terpandang-pandang lagi muka yang sangat dibencinya itu dengan tiada dapat Faridah Hanom berjumpa kekasihnya Shafik Afandi, maka bertambah-tambahlah marah dan benci Faridah Hanom akan Badaruddin Afandi itu hingga tiada dapat tertahan sabar rasa hatinya lagi jadi sentiasalah ianya masuk dan berkurung di dalam biliknya membanting akan dirinya ke atas peraduannya dengan berhamburan air matanya dan bersyair bergurindamlah ia dengan bermacam-macam bunyinya.

Sumber: Al-Syed Sheikh Ahmad Al-Hadi (1985: 134-135)

Data 4



[a] Huraikan kedua-dua aspek fungsi emosi dan fungsi hubungan di dalam komunikasi bukan verbal manusia.

[40 markah]

- [b] Berikan penerangan ringkas konsep berikut dan sertakan contoh yang sesuai.
- [i] Kemahiran menghantar mesej [12 markah]
 - [ii] Kod ikonik [12 markah]
 - [iii] Gerakan *thumbs up/thumbs down* [12 markah]
- [c] Kenal pasti dan huraikan TIGA cara untuk mempertingkatkan komunikasi bukan verbal. [24 markah]

5. Jawab soalan [a] dan [b] menggunakan pernyataan di dalam **Data 5**.

Data 5

Pendekatan Analisis Perbualan membuat tanggapan bahawa perbualan ialah produk peserta perbualan yang tersusun dan terancang. Perbualan juga ialah hasil daripada kaedah bercakap kepada seseorang secara sistematik dan saling menginterpretasi berdasarkan aturan ikut-giliran.

Sumber: Diubahsuaikan daripada Wilkinson (1999: 254)

- [a] Huraikan semua prinsip metodologi analisis perbualan yang diutarakan oleh Wilkinson (1999). [52 markah]
- [b] Huraikan peranan konteks di dalam analisis perbualan menurut Beeke, Wilkinson, dan Maxim (2001). [48 markah]

6. Jawab soalan [a] dan [b].

[a] Huraikan dengan ringkas pandangan pluralistik tentang wujudnya teori komunikasi manusia (menurut Kovačić dan Cushman (1997)).

[36 markah]

[b] Bincangkan, apakah yang dimaksudkan dengan komunikasi intrapersonal dan interpersonal berdasarkan perkara [i], [ii], [iii] dan [iv] yang berikut. Gunakan contoh yang sesuai.

[i] Teori Penyerapan Sosial

[16 markah]

[ii] Hierarki Maslow

[16 markah]

[iii] Keperluan Interpersonal Schutz

[16 markah]

[iv] Tingkap Johari

[16 markah]